

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 3 JUN 2016 (JUMAAT)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	BiotechCorp is now Bioeconomy Corp	The Sun Daily
2.	SIRIM, Angkasa lancar logo <i>100 Product Champion</i>	Utusan Malaysia
3.	Angkasa bawa produk ke pasaran global	Utusan Malaysia
4.	SIRIM-Fraunhofer audit programme useful in evaluating SMEs	New Straits Times
5.	BiotechCorp morphs into Bioeconomy Corporation	BERNAMA
6.	Cyber security extends tie-up with M'sian client	The Star



BiotechCorp is now Bioeconomy Corp

PETALING JAYA: Malaysian Biotechnology Corp (BiotechCorp) has been rebranded to Malaysian Bioeconomy Development Corp (Bioeconomy Corp) in a bid to uplift and uphold the strategies and programme of Malaysia's bioeconomy agenda.

The fresh identity was unveiled at the conclusion of BioMalaysia & Asia Pacific Bioeconomy 2016's three-day exhibition at Kuala Lumpur Convention Center, according to a statement released yesterday.

Along with the name change, Bioeconomy Corp transformed its corporate identity with a new logo and expanded its roles and functions, reflecting the organisation's position as the leading economic development agency to spearhead the bio-based industry in Malaysia.

"The rebranding of BiotechCorp is seen as a strategic movement to clarify and strengthen the company's role in developing a competitive and diverse end-to-end value chain of the Bioeconomy Ecosystem. This drives a strong socio-economic impact to the country by enhancing the wealth, health and social well-being of the nation through sustainable bio-based approaches," **Minister of Science, Technology, and Innovation (Mosti), Datuk Seri Madius Tangau** said at the launch of the corporate rebranding.

Phase 1 (2006 – 2010) to Phase 2 (2010 – 2015) of the National Biotechnology Policy (NBP), saw the corporation achieve over RM25 billion of approved investments, create more than 31,000 direct jobs and generate more than RM18 billion of revenues.

"In accelerating our efforts to achieve targets outlined in 'Global Business', the final phase of the NBP, and to attain a developed nation status by 2020, we need to continuously evolve and adapt to the increasingly high level and pace of the global economic landscape," Madius said.

BioMalaysia & Asia Pacific Bioeconomy 2016 saw the participation of 100 companies, involving more than 160 exhibition booths, with foreign exhibitors from Singapore, India, United Kingdom, USA, Germany, South Korea, Turkey, Dubai and Australia. More than RM24 million in revenue was generated during the business matching sessions, involving 10 companies.

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (UTUSAN BIZ) : MUKA SURAT 19
TARIKH : 3 JUN 2016 (JUMAAT)

SIRIM, Angkasa lancar logo 100 Product Champion

KUALA LUMPUR 2 Jun - Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) dan SIRIM Berhad (SIRIM) melancarkan logo program 100 Product Champion serta menyerahkan manual kualiti sebagai usaha untuk mempromosikan pembangunan aktiviti perniagaan dalam gerakan koperasi.

Presiden Angkasa, Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, program itu merupakan sebuah inisiatif untuk memberi pendudukan menyeluruh kepada para usahawan koperasi dan keperluan semasa bagi meningkatkan keupayaan koperasi tempatan.

Katanya, apabila berbicara soal pemborongan dan peruncitan khususnya industri pengeluaran makanan, ia sebenarnya merujuk kepada makanan berstatus halal yang mempunyai peluang besar

untuk diterokai menerusi hampir 2 bilion umat Islam di seluruh dunia.

"Malaysia adalah negara pertama di dunia yang membangunkan piawaian makanan halal, justeru adalah menjadi kelebihan dan kepakaran negara untuk mengambil peluang dan menerajui industri halal di peringkat global melalui usahawan koperasi tempatan," katanya dalam majlis pelancaran logo dan penyerahan manual kualiti itu dekat sini hari ini.

Yang turut hadir, Pengerusi Sektor Pemborongan dan Peruncitan Angkasa, Datuk Kamarudin Ismail dan Presiden dan Ketua Eksekutif SIRIM, Datuk Dr. Zainal Abidin Mohd. Yusof.

Dalam pada itu, Zainal Abidin berkata, sehingga kini, lebih 3,000 syarikat telah mengikuti dan dibimbing melalui program-



ABDUL FATTAH ABDULLAH (dua dari kiri) dan **Dr. Zainal Abidin Mohd. Yusof** (dua dari kanan) selepas memeterai Manual Kualiti Koperasi, sambil diperhatikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif Pusat Reka Bentuk, Pembungkusan dan Keselamatan SIRIM, **Sulaiman Arshad** (kanan) dan pegawai Angkasa di Kelana Jaya, semalam. - UTUSAN/SHIDDIQIN ZON

program keusahawanan SIRIM. Hasilnya ujar beliau, produk berjaya dipertingkatkan dan sejumlah besar memperoleh pen-

sijilan halal dan menembusi pasaran tempatan, serta lebih 20 syarikat berjaya memasuki pasaran luar negara.

info

PROGRAM REKA BENTUK PEMBUNGKUSAN DAN KESELAMATAN SIRIM:

- > Program InnoPack Pra/Persediaan
- > Program InnoPack Tahap 1
- > Program InnoPack Tahap 3 dan 6
- > Program GreenPack
- > Program Biz Transformation
- > Program Biz Quality



REAKSI

Peserta sambut baik program 100 Product Champion



"SETIAP kejayaan yang diperolehi pasti diiringi dengan pelbagai cabaran dan onak duri. Sepanjang berada dalam program ini, usahawan perlu berusaha memastikan tahap perurusan yang baik supaya kualiti produk dihasilkan sentiasa berada pada tahap ditetapkan seteruanya dapat memenuhi kehendak pasaran."

NORHAIZAN SHOOD
Timbalan Pengerusi IATBerhad



"Program 100 Product Champion ini bertepatan dengan masanya kerana dapat mengetengahkan produk-produk usahawan tempatan supaya menjadi lebih berdaya saing dalam pasaran tempatan atau antarabangsa. Program ini adalah sangat wajar untuk diperka dan diteruskan pada masa depan.

ROSLI ARIFFIN
Pengerusi Groombig Kelantan Berhad



"Di peringkat kebangsaan, saya harap orang ramai akan mengubah persepsi terhadap produk koperasi dan tidak memandangnya sebagai produk kelas bawahan dengan pelbagai usaha dan program yang diadakan. Di peringkat koperasi pula, menerusi program ini, saya harap pasaran baharu terutama di peringkat global dapat digapai.

PROF. MADYA DR. SERI INTAN MOKHTAR
Setiausaha Kandaserah Bentong Berhad

KERATAN AKHBAR
UTUSAN MALAYSIA (UTUSAN BIZ) : MUKA SURAT 19
TARIKH : 3 JUN 2016 (JUMAAT)

Angkasa bawa produk ke pasaran global

Oleh **AKMYR SYAHAR AZWAR**
ekonomi@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 2 JUN

PROGRAM 100 Product Champion anjuran Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) bersama SIRIM Berhad (SIRIM) telah berjaya membangunkan sebanyak 41 produk daripada 17 koperasi sehingga tahun lepas.

Presiden Angkasa, Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, pihaknya menetapkan sasaran untuk mencapai sebanyak 100 produk yang sedia untuk dieksport ke pasaran antarabangsa menjelang hujung tahun ini.

Menurut beliau, produk-produk koperasi yang terpilih itu dibangunkan dari segi penambahbaikan kaedah pembungkusan, perlabelan, penjenamaan dan pensijilan.

Katanya, usaha tersebut ada-



ABDUL FATTAH ABDULLAH (kiri) bersama Kamaruddin Ismail (kanan) dan Pengurus Pemasaran dan Jualan SIRIM, Mohamad Nizam melihat produk yang dipamerkan di pejabat ANGKASA di Kelana Jaya, baru-baru ini. - UTUSAN/ROY AZIS ABD AZIZ

lah bagi membantu koperasi tempatan mengambil peluang terhadap kekuatan permintaan produk-produk halal bukan sahaja di pasaran negara, malah di seluruh dunia.

"Tujuan utama program ini di-

adakan adalah sebagai bantuan kepada koperasi tempatan dalam usaha berkembang ke peringkat antarabangsa melalui rangkaian Angkasa yang luas.

"Selain itu, menerusi pelan pemantauan dan pengujian SIRIM,

produk-produk yang dihasilkan adalah terjamin dan memenuhi kehendak aspek kualiti dan keselamatan," katanya kepada *Utusan Malaysia* dekat sini baru-baru ini.

Program itu diwujudkan sejak tahun 2014 sebagai kayu pengukur pencapaian bagi membantu menambahbaik produk-produk koperasi daripada pelbagai kluster untuk berkembang di peringkat nasional dan antarabangsa.

100 Product Champion bermaksud pengiktirafan kepada produk yang telah berjaya mencapai tahap dan kriteria pasaran antarabangsa setelah melalui proses transformasi yang dijalankan dengan kepakaran SIRIM.

Sementara itu, Pengerusi Sektor Pemborongan dan Peruncitan Angkasa, Datuk Kamarudin Ismail berkata, kesemua 41 produk yang berjaya dibangunkan tersebut telah mendapat pasaran yang kebanyakannya di kawasan Lem-

bah Klang dan Johor selain sedia untuk dieksport ke luar negara.

"Angkasa telah membawa produk-produk ini untuk dipromosikan di Agrobazaar Malaysia di Singapura dengan kerjasama Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) baru-baru ini.

"Pada bulan puasa akan datang ini pula, produk-produk ini akan dipasarkan di Brunei dengan kerjasama koperasi di sana," katanya.

Tambah beliau, sumbangan koperasi kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) buat ketika ini bernilai kira-kira RM37 bilion dan berada pada landasan tepat untuk mencapai sasaran RM50 bilion pada tahun 2020.

"Kita sentiasa memastikan koperasi menyumbang kepada KDNK negara menerusi langkah strategik seperti memperkasakan kapasiti, pembangunan modal insan, meningkatkan keupayaan dan mengukuhkan pengurusan," ujarnya.

